



## UPM Menang Tempat Kedua dan Ketiga “1 World Culture”



*Syed Mahdi Aghily Anvar(tengah) bersama rakan senegara sedang mengadakan persembahan mereka.*

**NILAI, 10 Oktober** - Nyanyian cinta dan keamanan pelajar antarabangsa Universiti Putra Malaysia (UPM), Syed Mahdi Aghily Anvar bersama rakan- rakan dari Negara Iran, Bangladesh dan Malaysia berjaya mendapat tempat kedua dalam pertandingan 'Malam Kebudayaan Pelajar-Pelajar Antarabangsa' anjuran Kolej Universiti Nilai.

Beliau memperoleh trofi, dan wang tunai sebanyak RM500 manakala bagi kategori tarian, 9 pelajar antarabangsa UPM dari Indonesia bersama seorang pelajar tempatan meraih tempat ketiga dengan membawa 'Tarian Mambri'.

Pada majlis penutup yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri, Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah, beliau berkata malam kebudayaan itu mampu membentuk pelajar dengan semangat kekitaan yang lebih mendalam, saling mengenali budaya dari negara lain di samping menonjolkan budaya negara masing-masing.

UPM menghantar sebanyak 49 peserta yang terdiri dari pegawai pengiring, peserta dan kumpulan sorak yang berlangsung di Dewan Kebudayaan Kolej Universiti Nilai.

Sebanyak 14 pasukan mengambil bahagian bagi kategori vokal dan 19 pasukan pula mengambil bahagian bagi kategori tarian yang terdiri daripada institusi- institusi pengajian tinggi awam dan swasta dari seluruh negara.

Majlis dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia itu bertujuan untuk mengeratkan silaturahim pelajar antarabangsa.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.**